



Ruj Kami : SPAD.RPT. (S)-2/1/1(1)

02 Ogos 2012

KEPADA SEMUA PENGUSAHA BAS EKSPRES

Tuan,

**CAJ TAMBAHAN YANG DIKENAKAN TERHADAP KADAR TAMBANG BAGI PENJUALAN TIKET
BAS MUSIM PERAYAAN**

Dengan segala hormatnya kami merujuk perkara di atas.

2. Pihak Suruhanjaya mengambil maklum bahawa terdapat segelintir pengusaha bas yang mengenakan kadar caj tambahan terhadap kesemua tiket yang dijual. Sehubungan dengan itu, kami ingin **menegaskan** bahawa hanya bas yang mempunyai Lesen Perubahan Sementara (LPS) yang telah diluluskan oleh SPAD sahaja yang boleh mengenakan caj tambahan 10% kepada penjualan tiket bas mereka. Caj tambahan ini **tidak terpakai** bagi bas-bas yang tidak mempunyai LPS.

3. Pihak Suruhanjaya akan mengambil tindakan melalui undang-undang terhadap mana-mana pengusaha bas yang gagal mematuhi arahan ini menurut peruntukan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (PAD 2010).

4. Justeru, kami memohon kerjasama dari semua pengusaha bas untuk mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan oleh SPAD.

Sekian terima kasih.

Saya yang menurut perintah,

ZAMRI BIN MAHMUD
Ketua Bahagian Pengangkutan Awam Jalan
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

S.k.

Ketua Pegawai Operasi, SPAD
Ketua Wilayah SPAD
Ketua Bahagian Pelesenan Terminal, SPAD
Ketua Bahagian Penguatkuasaan, SPAD
Semua Pengusaha Terminal Pengangkutan Awam Darat